

KELUARGA BERKUALITI DALAM KALANGAN WANITA BERKERJAYA. Oleh 'Adawiyah Ismail. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2016. Hlm. 251. Indeks 247-251. ISBN 978-967-412-340-6.

Wanita dalam enakmen kekeluargaan tidak dapat dipisahkan kerana wanita adalah satu komponen penting ke arah mewujudkan keluarga yang berkualiti di bawah institusi kekeluargaan dalam menjaga maqasid Syariah. Pembentukan keluarga berkualiti dalam Islam seharusnya dipupuk dan dijaga supaya dapat melahirkan generasi yang *soleh* dan *musleh* untuk membina masa depan agama, bangsa dan negara. Justeru itu, setiap keluarga seharusnya menjadikan keluarga Rasulullah s.a.w dan sahabat sebagai contoh dalam setiap aspek kehidupan.

Kadar keperluan yang semakin meningkat dewasa ini memerlukan wanita untuk membantu keluarga dalam menjana pendapatan di samping mengukuhkan ekonomi keluarga. Sebagai wanita Muslim, tiada halangan di Malaysia bagi isteri yang berkerja membantu suami, namun mereka perlu mendapat keizinan dan sokongan daripada keluarga. Tidak ada perbezaan antara wanita berkerjaya di Malaysia dengan wanita di negara lain tetapi yang menjadi asas kepada perkara ini adalah wanita berkerjaya perlu bijak mengimbangi komitmen kepada tugas dan tanggungjawab kepada keluarga. Justeru itu, wanita perlu menggunakan pendekatan *multitasking* untuk menguruskan masa dengan baik dan efisien. Wanita berkerjaya harus mampu memikul pelbagai tugas dalam satu masa di samping berupaya membuat keputusan terhadap sebarang situasi. Dasar Negara Malaysia yang memberi peluang sama rata tanpa mengamalkan diskriminasi jantina telah berjaya membantu memacu kemajuan wanita dalam pelbagai bidang terutamanya bidang Sains.

Intipati buku ini adalah hasil kajian ilmiah peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengenai pembentukan berkualiti menurut Islam dalam kalangan wanita berkerjaya di sektor awam. Buku ini dihasilkan oleh Dr. 'Adawiyah binti Ismail dan beliau merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah dakwah, wanita dan keluarga. Beliau banyak menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan isu dan cabaran dakwah, wanita dan keluarga menurut Islam. Tahap penulisan buku ini meliputi konsep keluarga berkualiti menurut Islam berdasarkan ciri-cirinya, seperti yang disarankan oleh agama Islam melalui contoh dalam kehidupan Rasulullah SAW. Antara objektif yang dapat digarap di dalam buku ini ialah memahami konsep keluarga berkualiti menurut Islam, mengkaji wanita berkerjaya dan kedudukannya dalam Islam serta sebelum kedatangan Islam, mengenal pasti wanita berkerjaya dalam sektor awam di Putrajaya dan menganalisis pembentukan keluarga berkualiti menurut Islam dalam kalangan wanita berkerjaya di Putrajaya. Penulis mengemukakan topik ini kerana institusi keluarga muslim perlu memartabatkan institusi kekeluargaan bagi menjamin kemaslahatan manusia secara berpanjangan sebagai khalifah untuk memakmurkan dan mengurusnya dengan amanah dan bijaksana. Selain itu, buku ini juga adalah hasil daripada penyelidikan dengan kod penyelidikan GPUI/K Kod Komuniti 2014-005.

Buku setebal 251 halaman ini mempunyai 6 bab keseluruhannya digarap dengan mengemukakan kerangka kajian yang seharusnya dituruti sebagai satu langkah disiplin ilmu bagi membuktikan bahan ilmiah tersebut tepat berdasarkan kajian. Penulisan ilmiah yang disertakan dalam sebahagian bab bersifat pendedahan umum kepada masyarakat khususnya kepada kaum wanita dan terdapat konsep pendekatan yang bersifat empirikal dan historikal yang menarik dalam buku ini. Buku ini juga memberikan pemahaman kepada pembaca

mengenai ciri-ciri keluarga berkualiti menurut Islam, menerangkan konsep dan pendekatan wanita berkerjaya sehingga mampu melahirkan keluarga berkualiti menurut Islam, menganalisis satu model pembangunan sebagai satu tempat untuk melestarikan kehidupan komuniti bestari, seperti Putrajaya dan seterusnya mengkaji pembentukan keluarga berkualiti menurut Islam dalam kalangan wanita berkerjaya.

Islam memberi peluang kepada seluruh umat termasuk wanita untuk menyumbang khidmat tenaga dan buah fikiran demi kebaikan pembangunan dan pertumbuhan negara ke arah lebih cemerlang. Menurut *syara'* galakan tinggal di rumah adalah perkara yang asal bagi mereka sedangkan keharusan keluar dari rumah adalah *furu'* untuk tujuan bekerja. Dalam bidang pekerjaan, wanita perlu bijaksana dalam memilih pekerjaan yang dibenarkan oleh agama dan tidak memudaratkan diri. Hal ini disebabkan bidang pekerjaan yang dibenarkan agama akan diredhai Allah SWT, seterusnya mempengaruhi kehidupan dan memberi kesan terhadap perkembangan keluarga dengan lebih baik. Bidang pekerjaan wanita mestilah berasaskan pengetahuan dan kemahiran serta memenuhi biologinya supaya selari dengan tanggungjawab dan dapat membantu dalam pengurusan efektif sebuah keluarga. Setiap wanita wajib menguasai pelbagai bidang ilmu untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat dan Negara. Peranan wanita dalam kehidupan secara umumnya terbahagi kepada tiga, iaitu isteri, ibu dan anak perempuan. Rasulullah SAW sendiri membenarkan ummul mukminin Saudah binti Zumah keluar dari rumah untuk menunaikan sesuatu hajat atau keperluan. Bahkan secara langsung wanita juga perlu melakukan perkara yang makruf dan mencegah daripada kemungkaran.

Sorotan buku ini juga membuka tirai mengenai isu pembangunan keluarga yang menerangkan mengenai pembangunan modal insan dalam masyarakat dan negara adalah bermula daripada pembangunan insan dalam institusi kekeluargaan. Pembangunan insan menekankan aspek keimanan dan ketakwaan kepada anggota keluarga, menghubungkan diri sebagai hamba kepada Allah SWT bagi membentuk keluarga berkualiti menurut Islam. Pendidikan Rasulullah SAW terhadap keluarga adalah yang terbaik untuk dicontohi sepanjang zaman dan umat Islam wajib mengikuti sunnah baginda. Namun, dewasa ini kita melihat manusia telah dikejar dengan kemodenan dan cabaran pada era globalisasi maka umat Islam telah dilalaikan dengan kemewahan dunia dan kurang memberi perhatian kepada panduan pendidikan tarbiyah Islam. Justeru itu, kerukunan keluarga menjadi goyah dan matlamat kekeluargaan tidak dapat dicapai bagi membentuk individu Muslim yang berjaya di dunia dan akhirat. Keruntuhan institusi kekeluargaan akan menyebabkan pengabaian tanggungjawab, keganasan rumah tangga, perceraian, jenayah, krisis moral serta penderaan kanak-kanak dan wanita. Kes gejala sosial turut berlaku dalam kalangan belia Muslim, seperti merokok 86%, minum arak 63%, mengambil dadah 60%, melepak di pusat hiburan 58% dan menonton VCD lucah 54%. Oleh yang demikian, masyarakat Islam perlu kembali kepada falsafah keluarga menurut Islam, memahami konsep keluarga berkualiti menerusi ciri-cirinya agar gejala negatif dapat dibendung seterusnya dapat memartabatkan agama di mata dunia.

Peranan dan sumbangan wanita terhadap pembangunan keluarga dan negara sangat penting dalam kehidupan. Pihak kerajaan menghargai peranan dan sumbangan wanita berkerjaya dengan memberi mereka pelbagai bentuk kemudahan dan sistem sokongan di sekitar perumahan dan di tempat kerja. Perkembangan dan kemajuan hari ini menyaksikan perubahan besar berlaku kepada persekitaran individu, keluarga dan masyarakat. Kesan perubahan ini mendedahkan individu, keluarga dan masyarakat kepada cabaran kehidupan yang lebih kompleks. Di bandar terutamanya, penduduk menerima implikasi kehidupan dari segi hubungan sosial, kebajikan, keselamatan dan sebagainya. Terdapat dalam kalangan

wanita berkerjaya menghadapi masalah antaranya tiada penjaga anak di rumah menyebabkan ramai mengambil keputusan keluar dari pasaran kerja. Anak-anak pula tidak mendapat penjagaan, pendidikan dan perhatian sepenuhnya. Hal ini menyebabkan wanita berkerjaya berada dalam dilema.

Oleh sebab itu, Putrajaya dijadikan sebagai sebuah tempat mesra komuniti dan dirancang sebagai bandar selamat dan bandar bestari untuk menjamin kesejahteraan penduduk. Pihak bertanggungjawab seperti Perbadanan Putrajaya telah menyediakan pelbagai kemudahan dan sistem sokongan, seperti perumahan, kawasan rekreasi dan pelancongan, taman permainan kanak-kanak, taman riadah, kompleks pembelajaran kejuruan, dewan orang ramai, pusat asuhan dan penjagaan anak-anak, pinjaman peralatan aktiviti, padang permainan dewasa, kemudahan pengangkutan, aktiviti masjid dan surau. Namun, sejauh manakah kemudahan dan sistem sokongan sosial ini dimanfaatkan oleh penduduk khususnya wanita berkerjaya dan anggota keluarga untuk membentuk keluarga berkualiti menurut Islam. Mengikut kajian di Johor, tahap keutuhan keluarga adalah rendah melalui keterampilan (42.2%) dan kualiti perkahwinan yang tidak memuaskan (42.3%) manakala tahap kesejahteraan anak berada pada tahap tidak memuaskan kerana masalah tingkah laku antisosial yang tinggi (53.5%), pencapaian akademik yang lemah (46.2%) dan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya.

Antara matlamat keluarga berkualiti menurut Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat, beriman, bertakwa, berakhlak dan bermanfaat kepada masyarakat. Dalam konteks keluarga berkualiti, kejayaan keluarga mempunyai hubungan rapat dengan kemahiran keibubapaan dan peranannya dalam mengatasi pelbagai cabaran norma kehidupan. Rentetan itu, Said Hawa menyatakan terdapat 10 kriteria keluarga yang wajib dilaksanakan sebagai panduan, iaitu kebersihan dan kesucian, sistematik, penyusunan dan kekemasan, ketenteraman dan kerahsiaan, berilmu dan beribadah, belanjawan, komunikasi dan interaksi, kesihatan dan pergerakan jasmani, kawalan penghuni daripada kemungkar, kejuruan dan tetamu. Namun begitu terdapat juga aspek penting yang lain untuk membentuk keluarga berkualiti menurut Islam, antaranya mengadakan perbelanjaan berhemah di samping memupuk kasih sayang, hormat-menghormati, mengamalkan ajaran Islam, menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh, menanamkan sifat terpuji, membina anggota keluarga dengan sahsiah Muslim, menggalakkan keluarga bersatu hati dan berada dalam keadaan selamat dan sejahtera, membangunkan diri dengan ilmu serta merebut peluang yang baik dan mengamalkan komunikasi harmoni sepanjang hayat.

Penglibatan wanita dalam pembangunan negara melalui pelbagai profesion dan kerjaya telah mencapai tahap yang tinggi. Perkongsian penglibatan telah dimetrai dalam beberapa dasar penting kerajaan, seperti Dasar Wanita Negara. Bagi mencapai pembangunan wanita yang menyeluruh sifatnya, negara juga mempunyai satu wawasan, iaitu wawasan 2020. Kejayaan cita-cita yang dinamik ini perlu bergantung kepada kefahaman dan amalan keagamaan, persefahaman antara kaum, keilmuan yang tinggi, kesatuan nasional, keadilan sosioekonomi, kematangan politik, pembangunan ekonomi dan teknologi serta perhubungan manusia dan perkembangan akhlak. Institusi keluarga merupakan tonggak kepada pembinaan sistem sosiobudaya yang bermaruah, maju dan dihormati. Negara pula dapat ditegakkan melalui sokongan dan dokongan daripada unit keluarga yang teratur manakala wanita berkerjaya berfungsi untuk memastikan kemajuan negara dan kesejahteraan keluarga berasaskan ketinggian ilmu dan akhlak yang berterusan. Dengan penglibatan ini, pekerjaan wanita dikategorikan sebagai ibadat.

Umumnya wanita lebih bersifat memberi, sabar, intuitif, iaitu kesedaran yang digerakkan oleh hati. Dalam bahasa Arab, perkataan wanita atau perempuan disebut sebagai *al-Unthā*, *al-mar'ah*, *imra'atun* dan *al-nisā'*. Menurut kamus al-Munjid *Unthā* ialah kata tunggal yang memberi kata lawan kepada perkataan lelaki. *Al-Unthā* adalah kata nama yang berasal daripada *anuthā* yang bererti lembut dan tidak keras pada percakapan dan gerak badan. Namun menurut Mu'jam al-Wasit, *unthā* bermaksud orang yang mengandung dan melahirkan. Manakala *al-mar'ah* ialah perempuan, wanita atau isteri dan jama' baginya adalah *al-Nisa'*. Berdasarkan kepada definisi tersebut, penggunaan perkataan seperti *al-Unthā*, *al-mar'ah*, *imra'atun* dan *al-nisā'* dalam Islam ialah pengertian khusus terhadap perempuan atau wanita berasaskan sifat kelembutan dan kehalusan kejadiannya. Oleh sebab itu, wanita dianggap sebagai perhiasan dunia. Menurut biologi dan psikologi, wanita dan lelaki berbeza disebabkan unsur-unsur kimia dalam tubuh mereka, seperti hormon yang memainkan peranan dan fungsi yang berbeza.

Sebelum kedatangan Islam, iaitu sebelum abad ke-6 Masihi, wanita pada zaman Jahiliyyah dipandang hina dan tidak dapat pembelaan dalam masyarakat seperti barang-barang yang boleh dijual beli. Mereka tidak dibenarkan mewarisi harta, tidak dapat memberikan hak kepada diri dan hak menentukan masa hadapan. Justeru itu, mereka menanam anak perempuan hidup-hidup di dalam timbunan pasir dengan tujuan untuk menghilangkan hal-hal yang memalukan pada kemudian hari. Kelahiran anak perempuan pada zaman Jahiliyyah dianggap sesuatu yang aib dan hina bagi sesebuah keluarga. Menurut al-Qurtuby orang Arab membunuh anak kerana sifat bodoh dan jahil dan disebabkan perasaan benci dan marah. Kedatangan Islam mengangkat kedudukan dan memberikan kemuliaan kepada wanita kerana haknya diberi dan diiktiraf sama dengan golongan lelaki. Kewujudan wanita menjadikan kehidupan ini saling lengkap melengkapi dan memenuhi tanggungjawab sosial dalam mendapatkan hak menuntut ilmu, mendapatkan keadilan undang-undang, mencari rezeki melalui pekerjaan bersesuaian dengan bidang wanita, memegang jawatan sebagai ahli parlimen dan wakil rakyat, memegang jawatan hakim, menghasilkan fatwa dan mengadakan kontrak dalam mengurus serta mengambil faedah daripada harta milik.

Kedatangan Rasulullah SAW membawa ajaran Islam dan mengiktiraf sumbangan wanita dalam usaha pembangunan ekonomi sangat terkesan kepada masyarakat wanita khususnya terutama masyarakat Jahiliyyah. Peneliti sejarah Arab terulung, iaitu Jawwād[◌]Āli Kurdi menyenaraikan empat jenis pekerjaan yang dilakukan wanita Arab sebelum kedatangan Islam, iaitu bertani, menternak, melakukan perusahan dan menyusukan anak. Rasulullah SAW juga menggalakkan golongan wanita menuntut ilmu. Baginda menggalakkan pengikutnya memberi pendidikan walaupun kepada hamba-hamba wanita. Perkara ini sangat ditekankan oleh Rasulullah SAW. Contohnya Baginda meminta al-Syifa binti[◌]Abdullah yang dinobatkan sebagai guru wanita pertama untuk mengajar isterinya Hafsa bagi membaca dan menulis. Dalam aspek masyarakat pula, wanita digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti sukarela, contohnya Arwa binti Abdul Mutalib, menyumbang bakti di medan perang seperti merawat pejuang yang cedera serta memberi bekalan air dan makanan seperti Aisyah, Ummu Salamah dan Layla binti Abdul Mutalib. Selain itu, wanita juga tidak ketinggalan dalam berjuang di medan perang, seperti Nusaybah yang mempertahankan Nabi Muhammad s.a.w. dalam Perang Uhud .

Agama Islam mengiktiraf wanita berkerja dan memberi hak pemilihan serta pengurusan ke atas harta benda yang diperolehi secara usaha sendiri. Wanita yang berurusan di luar hendaklah menjaga adab agar tidak bercampur dalam kumpulan lelaki yang ramai dan boleh berurusan di luar disebabkan orang bertanggungjawab ke atas mereka yang uzur dan tidak

mampu berbuat demikian, seperti anak perempuan Nabi Syuaib ketika memelihara kambing kepunyaan bapa mereka yang telah tua. Ketika mereka ingin mendapatkan air untuk memberi minuman kepada kambing, mereka mendapati ramai orang lelaki yang berusaha untuk mendapatkan air. Namun mereka tidak terus masuk ke dalam kelompok tersebut tetapi menunggu sehingga orang lelaki beredar dari tempat tersebut. Kedua-dua anak perempuan Nabi Syuaib bertemu Nabi Musa yang membantu memberikan minuman kepada kambing-kambingnya.

Menurut ʿAbdul Halīm, wanita wajib melibatkan diri dalam bidang kerjaya atau pekerjaan jika berada dalam dua keadaan, iaitu ketika menanggung belanja hidup sendiri atau keluarga pada ketika orang yang menanggungnya sudah tiada atau tidak berdaya. Kedua, dalam keadaan wanita dianggap tuntutan fardhu kifayah bagi melakukan sesuatu pekerjaan yang dapat membantu kewujudan masyarakat Muslim. Namun wanita perlulah memenuhi syarat-syarat contohnya memelihara diri dengan tidak *bertabarruj*, tidak bercampur antara lelaki dan perempuan, mendapat keizinan, kerjaya yang tidak mendatangkan kemudaratan serta tidak menghalang untuk beribadat kepada Allah SWT, kerjaya yang aman daripada fitnah serta tidak bertentangan dengan sifat semula jadi, tidak menghalang wanita daripada melaksanakan tugas hakiki serta memilih kerja, masa dan bidang yang bersesuaian.

Kerjaya wanita sebelum kemerdekaan dipelopori dengan aktiviti pertanian, perdagangan, pendidikan dan kemahiran. Namun selepas kemerdekaan, kaum wanita mempelopori bidang pekerjaan teknikal, profesional, pentadbiran dan perkeranian. Wanita Melayu mula memasuki bidang kerjaya profesional, pentadbiran, pengurusan, perkilangan, perindustrian, perkeranian, perkhidmatan. Mereka menceburi bidang pengetahuan untuk membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pengetahuan yang diperoleh menjadikan wanita memiliki kepakaran dalam bidang tertentu dan menjadi pakar rujuk dalam menyelesaikan masalah.

Melalui buku ini juga, penulis memfokuskan lokasi Putrajaya sebagai salah sebuah tempat untuk dianalisis bagi mendapatkan data dan maklumat wanita berkerjaya. Putrajaya adalah satu pusat pentadbiran kerajaan, kemudahan dan sistem sokongan yang padu bagi menggantikan Kuala Lumpur. Dari segi bahasa, Putrajaya adalah singkatan daripada putera yang sangat berjaya. Putrajaya adalah bandar raya pintar dalam taman yang terletak 25 kilometer dari Kuala Lumpur. Wetland Putrajaya dibina untuk menyingkirkan sedimen dan membersihkan aliran permukaan yang tercemar sebelum memasuki tasik. Lokasi Putrajaya yang terletak di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia seluas 4931 hektar yang dibangunkan dengan kos RM 20.5 billion yang mengandungi pusat pentadbiran kerajaan persekutuan. Antara falsafah penubuhan Putrajaya ialah hubungan antara manusia dengan pencipta, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Putrajaya juga menjadi penanda aras pembangunan dan pentadbiran sebuah bandar baik di peringkat negara mahupun antarabangsa. Persekitaran kehidupan penduduk berkeluarga di Putrajaya mampu mencapai kehidupan bekualiti berdasarkan perancangan fizikal dan struktur binaan kawasan perumahan. Pembangunan Putrajaya, seperti telekomunikasi moden, teknologi maklumat, ekoteknologi, pembinaan dan seni binanya serta pengisian aktiviti mampu menarik minat pelancong luar negara untuk bersama-sama menghayati ciptaan alam yang dikurniakan kepada manusia. Melalui hubungan alam, manusia akan dapat mencari signifikan dengan hubungan sesama manusia.

Rentetan daripada itu, penulis memberikan cadangan model pembangunan wanita berkerjaya yang menjadi asas dan tunggak ke arah melahirkan keluarga berkualiti menurut Islam. Dalam buku ini, sebanyak 300 sampel melibatkan wanita Islam Putrajaya yang telah berkahwin dan

berkerja dalam sektor awam. Latar belakang wanita berkerjaya memberi gambaran bahawa mereka terdiri daripada golongan yang berpendidikan yang berperanan penting di tempat kerja, dan pada masa yang sama membangunkan keluarga untuk membentuk keluarga berkualiti menurut Islam. Sebahagian besar wanita berkerjaya memahami konsep keluarga menurut Islam. Mereka memahami tuntutan awal ke atas Muslim dan pasangannya sebelum mendirikan rumah tangga, mengetahui matlamat berkeluarga menurut Islam dan melakukan amalan-amalan terpuji dalam keluarga untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat. Wanita berkerjaya melakukan perkara yang dituntut oleh agama terhadap keluarga seperti hormat-menghormati (99.3%), berkasih sayang (98.6%), menggalakkan keluarga bersatu dalam perkara kebaikan (97.6%) dan bertolak ansur (90%). Secara tidak langsung, mereka memenuhi keperluan untuk membentuk keluarga berkualiti menurut Islam seperti menerapkan sifat takwa (99%), memahami dan mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan (98.7%), membangunkan diri dan keluarga dengan ilmu (96.7%) dan membentuk keluarga berpandukan didikan Rasulullah s.a.w. (95%). Kefahaman terhadap keluarga amat penting dalam melahirkan keluarga berkualiti menurut Islam kerana wanita berkerjaya adalah satu tunjang untuk mencorakkan anak-anak demi mencapai kecemerlangan insan dan mengukuhkan jati diri masyarakat ke arah melahirkan *khair ummah*.

Oleh yang demikian, wanita berkerjaya menganggap pekerjaan adalah satu ibadah (98.7%) dengan memohon izin daripada suami dan menjaga adab pergaulan (98.7%) serta mengamalkan etika berpakaian menurut Islam (99.3%). Terdapat 99.7% wanita yang berkeupayaan meningkatkan prestasi mereka dalam menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga (80.3%) melalui perbincangan bersama majikan (94.3%) dan menunaikan kewajipan kepada Allah SWT (94.7%) serta menyertai aktiviti persatuan (79%). Keadaan ini melayakkan mereka menerima anugerah cemerlang, berinovasi dan kreatif di samping mampu memberi kesan terhadap persaingan yang sihat. Kajian daripada buku ini juga membuktikan wanita berkerjaya melaksanakan tanggungjawabnya terhadap keluarga dengan memupuk budaya hormat-menghormati serta tolong-menolong (62.7%), memastikan keluarga agar menjauhi aktiviti yang tidak sihat (69%), mendidik keluarga agar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT (69.3%), melatih keluarga untuk berdoa kepada Allah s.w.t di waktu senang dan susah (70%), serta memberi kasih sayang sepenuhnya kepada keluarga (71%). Hakikatnya tanggungjawab sebagai isteri dan ibu adalah amanah yang perlu dipikul bagi setiap wanita berkerjaya yang mempunyai keluarga untuk membentuk keluarga yang harmoni, dinamik dan mampu menempuh cabaran yang mendatang.

Sehubungan itu, untuk menghasilkan keluarga yang berkualiti, maka penerapan nilai-nilai aktiviti secara lahiriyah perlu disusun dan diaplikasi dalam kehidupan supaya keluarga yang lahir dari masyarakat sejahtera dapat membantu mencorakkan dan menjadi contoh kepada keutuhan dan kesinambungan hubungan kekeluargaan. Dari aspek hubungan manusia kepada Allah, hanya 15% sahaja wanita berkerjaya yang selalu mengadakan solat berjemaah bersama anggota keluarga di rumah, 68% wanita berkerjaya jarang melakukan solat jemaah di rumah. Namun, 78% wanita berkerjaya menyediakan makanan dan makan bersama, 51.7% melibatkan aktiviti dalam gotong royong, 44% menziarahi saudara mara, 7% mengunjungi kompleks kejrangan di Putrajaya, 15% menghadiri forum dan ceramah, 40% mengajar anak fardhu ain, 51.3% wanita berkerjaya menonton rancangan televisyen yang berfaedah, 29% yang selalu bersiar-siar ke taman pelancongan, 44.3% selalu menziarahi saudara mara, 28.3% selalu membaca *Yasin* bersama, 73.7% selalu menghormati jiran dan 14% sahaja yang mengajak pasangan ke seminar atau kursus keibubapaan. Melalui analisis ini maka dapatlah diperhatikan kurangnya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh wanita berkerjaya di Putrajaya walaupun mempunyai kemudahan yang tersusun namun disebabkan kesempitan masa

maka mereka hanya mampu untuk membuat aktiviti hakiki. Penulis berpandangan bahawa amalan agama sangat penting untuk dititikberatkan terhadap keluarga bagi mendatangkan kekuatan spiritual dan mental untuk menghadapi sebarang kesulitan dalam kehidupan. Mereka perlu menyedari bahawa sekiranya hubungan dengan Allah SWT. dilaksanakan dengan baik maka Allah s.w.t. akan menjaga hubungan sesama manusia.

Wanita berkerjaya di Putrajaya juga turut mendapat sokongan daripada individu lain contohnya ibu bapa (99%), suami (97.7%) yang memberi bantuan dalam pelbagai bentuk keadaan serta 98.7% menyokong pekerjaan yang berfaedah dan memahami tugas kerja di pejabat (96%). Sekiranya ujian seperti sakit datang menimpa salah seorang daripada anggota keluarga maka 91.3% wanita berkerjaya terpaksa mengambil cuti untuk mendapatkan rawatan. Impaknya, 89.7% wanita berkerjaya telah diberi penghargaan untuk anugerah-anugerah yang dicapai kerana penghargaan tersebut mampu membentuk perspektif yang baik kepada keluarga mahupun pekerjaan. Sokongan daripada pelbagai pihak seperti suami, ibu bapa, saudara mara majikan, pembantu rumah amat penting bagi mewujudkan persepsi yang baik terhadap wanita berkerjaya. Hasilnya wanita berkerjaya mampu menangani apa jua cabaran dan rintangan sama ada terhadap diri, pekerjaan dan keluarga. Di samping melahirkan wanita yang berkualiti, sektor pengurusan pekerjaan juga dapat ditingkatkan dengan mutu perkhidmatan yang baik dan cemerlang dengan adanya kerjasama daripada semua pihak. Kemudahan dan sistem sokongan yang baik memberi kekuatan dan keyakinan kepada wanita berkerjaya untuk menyumbang buah fikiran ke arah melahirkan modal insan berkualiti dan membangunkan negara melalui institusi keluarga berkualiti menurut Islam.

Buku ini sangat bermanfaat untuk membantu rancangan Putrajaya sebagai model Bandar Raya Bestari dalam Taman dari segi pembinaan individu, keluarga dan masyarakat ke arah melahirkan generasi berkualiti yang mempunyai jati diri Muslim, memiliki keimanan dan ketakwaan, melaksanakan kebaikan dan menjauhi kejahatan selari dengan falsafah penubuhan Putrajaya dan pembangunan fizikal. Selain itu, buku ini dapat memberi kefahaman kepada wanita tentang keluarga berkualiti dan kedudukan mereka dalam pekerjaan menurut agama Islam. Cadangan daripada buku ini mampu membantu Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat serta agensi lain bagi mengendalikan aktiviti wanita untuk membentuk dasar yang berkaitan pembangunan dan kebajikan keluarga. Keterlibatan individu, keluarga dan masyarakat di Putrajaya dalam aktiviti surau, kompleks kejrangan mampu memberi kebaikan dalam kehidupan kekeluargaan dan *mengislahkan* masyarakat ke arah membina *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*.

Suhaila binti Sharil

Pensyarah,
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,
Pusat Pengajian Teras.